

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH
KAWASAN : SANDAKAN
TARIKH : 27 OKTOBER 2015, SELASA

SOALAN:

YB. TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH (SANDAKAN) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kegunaan peruntukan sebanyak RM500 juta yang ditujukan untuk pembinaan Projek Pan Borneo di Sabah pada tahun 2014. Apakah status pembinaan jalan raya ini dan syarikat yang telah mendapat tawaran tender projek tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan RM500 juta yang telah diumumkan oleh Kerajaan semasa sesi pembentangan Bajet 2014 ialah merujuk kepada peruntukan untuk projek-projek konvensional Jalan Pan Borneo di Sabah dan Sarawak yang dilaksanakan oleh JKR.

Skop projek ini melibatkan baik pulih jalan, membina lorong memotong, meninggikan aras jalan, baik pulih cerun dan menaik taraf kawasan kerap kemalangan ('blackspots'). Terdapat 109 projek yang telah dilaksanakan menerusi peruntukan tersebut, iaitu 86 projek di Sabah dan 23 projek di Sarawak. Sehingga 1 Oktober 2015, 100 bilangan projek (92%) telah disiapkan manakala baki 9 projek lagi dijangka akan siap pada akhir tahun ini.

Mengenai status projek Lebuhraya Pan Borneo di negeri Sabah pula – untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan projek Lebuhraya Pan Borneo di Sabah akan dilaksanakan sebagaimana konsep pembinaan MRT, iaitu Kerajaan akan melantik kontraktor utama sebagai rakan pelaksana projek ('project delivery partner' – PDP) manakala pelaksanaan projek pula akan dipecahkan kepada beberapa pakej untuk ditender. Pembiayaan projek ini akan ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan melalui DanaInfra Nasional Berhad, iaitu anak syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan.

Skop projek Lebuhraya Pan Borneo di Sabah ini melibatkan naik taraf jalan Pan Borneo yang sedia ada. Manakala kos projek pula belum dimuktamadkan dan tertakluk kepada reka bentuk terperinci projek di mana ia akan diteliti dalam bengkel pengurusan nilai (VM). Pada masa kini rundingan antara Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri dan pihak-pihak yang berkepentingan sedang di adakan untuk memuktamadkan perjanjian, khususnya melibatkan aspek teknikal dan kewangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan perancangan, perjanjian konsesi Lebuhraya Pan Borneo di Sabah dijangka akan dimeterai pada akhir tahun ini. Manakala pembinaan fizikal pula dijangka akan dimulakan pada tahun 2016 dengan tempoh siap ialah antara 6 hingga 8 tahun.

Sekian. Terima kasih.